

18/03/1998

Beri peluang BNM jalankan siasatan rapi

KENYATAAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung tindakan yang akan diambil terhadap mana-mana pihak yang menjadi punca kerugian RM1.81 bilion ditanggung Sime Bank Berhad, membuktikan setiap kesalahan akan menerima hukuman setimpal. Bagaimanapun, kita perlu menerima hakikat setiap kesalahan itu mestilah dibuktikan terlebih dulu. Menuding jari kepada pihak tertentu akan menyebabkan kita tidak lagi rasional menghadapi sesuatu keadaan. Negara mempunyai undang-undang yang perlu dihormati. Sebarang tindakan perlulah berlandaskan proses dan peraturan yang ditetapkan. Dalam keadaan hari ini, proses penyiasatan sedang dijalankan. Kita perlu bersabar menunggu proses ini diselesaikan. Hanya selepas urusan ini dibereskan dan didapati ada unsur kesalahan dilakukan, tindakan tegas menjadi kemestian. Setakat ini kita belum pasti sama ada ia membabitkan kesalahan moral atau kesalahan undang-undang atau tiada kes yang boleh dikaitkan.

Namun, pengesahan mengenainya hanya boleh diketahui apabila segala akaun dan rekod urus niaga bank disiasat. Ini perlu dilakukan bukan semata-mata atas kepentingan penyimpan dan pemegang saham tetapi atas nama kewibawaan industri bank. Dalam keadaan yang tidak menentu akibat kegawatan ekonomi hari ini, kita sepatutnya membuktikan kemampuan bank bertahan menghadapi apa juga keadaan. Industri perbankan diterima sebagai pengukur penting kepada kestabilan ekonomi sesebuah negara. Jika industri bank goncang, ia menunjukkan asas ekonomi mulai lemah. Atas dasar ini kita harus mengembalikan keyakinan umum terhadap ekonomi negara ini. Apa yang berlaku dalam Sime Bank, tidak boleh dilihat secara umum terhadap keseluruhan industri bank di negara ini yang pada hakikatnya masih teguh.

Dengan jaminan Perdana Menteri itu, tidak dapat dielakkan ramai antara kita yang menumpukan perhatian kepada siasatan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) ke atas pengurusan dan urus niaga Sime Bank. BNM tentulah mempunyai formula tersendiri untuk menjurus bentuk siasatannya. Daripada maklumat yang diperolehi sebelum ini, difahamkan kegawatan dalam urus niaga di bank itu berlaku dalam tempoh yang singkat. Ini berasaskan kepada hakikat BNM sendiri belum sempat mengesan keadaan sebenar yang berlaku. Jika amalan itu sudah berakar umbi, rasanya BNM sudah lama dapat mengesannya berasaskan laporan dan akaun yang disemak dari semasa ke semasa. Tetapi disebabkan ia berlaku dalam jangka waktu yang singkat, laporan mengenainya mungkin belum diterima sepenuhnya.

Walau apapun terminologi perbankan digunakan berhubung keadaan dalam bank itu, kerugian ditanggung mungkin akibat pengeluaran pinjaman yang tidak terkawal. Ia mungkin juga berlaku akibat keadaan ekonomi hari ini berikutan kejatuhan nilai mata wang yang menyebabkan ramai orang dan syarikat terperangkap. Jangkaan perniagaan yang baik dibuat ketika permohonan dikemukakan, tidak lagi dianggap sesuatu yang praktikal. Walau apapun alasannya, pemberian pinjaman itu tidak menjadi masalah jika ia dibuat mengikut peraturan bank berasaskan syarat dan prosedur pengeluaran pinjaman. Ia hanya akan menjadi persoalan besar jika pinjaman itu diluluskan disebabkan sesuatu muslihat. Setiap pinjaman besar yang dikeluarkan perlu mempunyai rasionalnya dan diluluskan oleh lembaga bank yang dilantik.

Mungkinkah pinjaman dikeluarkan kepada individu tertentu atau syarikat yang tidak jelas latar belakangnya, perlu disiasat. Peminjam mungkin dilihat tidak melakukan kesalahan jika mereka mampu membayar balik

mengikuti syarat yang ditetapkan melainkan ia mempunyai kaitan sulit dengan pemberi pinjaman yang menggunakan pengaruhnya untuk mendapat kelulusan.

Bagaimanapun, disebabkan siasatan belum selesai, kita meletakkan kepercayaan penuh kepada BNM untuk menyiasat secara terperinci terhadap apa juga yang berlaku dalam bank kedua terbesar itu. Kita berharap BNM diberi kuasa penuh untuk menjalankan siasatan. Seboleh mungkin, tidak ada pihak yang cuba campur tangan untuk mempengaruhi siasatan BNM. Jika ada tanda-tanda yang tidak kena, sekali pun berlaku penyelewengan, kita perlu memberi kebebasan kepada BNM membuat perakuan terhadap tindakan yang boleh dikenakan. Berasaskan jaminan kerajaan, kita yakin jika berlaku unsur yang boleh ditakrifkan sebagai penyelewengan, tindakan tegas menjadi perkara wajib. Kita tidak mahu ada percubaan untuk melindungi individu tertentu atas nama ketelusan membanteras sebarang kegiatan yang menjejaskan kestabilan ekonomi negara.

(END)